

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan merujuk kepada kenyataan Menteri Pengajian Tinggi pada 14 September 2021 yang lalu, pengurangan yuran sebanyak 20% kepada semua pelajar warganegara di Universiti Awam bagi pelajar semester 1 sesi 2021/2022. Adakah Kementerian pertimbangkan kadar pengurangan yang sama atau kurang kepada pelajar Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) walaupun rata-rata pelajar PJJ sudah bekerja namun ada di kalangan mereka tiada pendapatan tetap dan mempunyai isi rumah yang perlu ditanggung.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) amat peka dan prihatin dengan beban yang ditanggung oleh pelajar serta keluarga yang terkesan sepanjang lebih setahun pandemik COVID-19 ini melanda. KPT telah mendapat sokongan penuh semua Universiti Awam (UA) dalam menjayakan inisiatif pengurangan yuran pelajar sebanyak 20% bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2021/2022 demi kemaslahatan pelajar. Ini adalah selari dengan aspirasi #KPTPrihatin untuk bersama-sama dengan Kerajaan bagi mengurangkan bebanan rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Jangkauan pengurangan yuran pelajar sebanyak 20% kali ini adalah lebih luas berbanding inisiatif sebelum ini memandangkan ianya melibatkan pengurangan kepada semua jenis yuran yang dikenakan oleh UA termasuk yuran pengajian. Semua pelajar warganegara Malaysia di setiap peringkat pengajian bermula dari peringkat Asasi sehingga ke peringkat Pasca Siswazah, secara sepenuh masa dan separuh masa termasuklah para pelajar yang mengikuti pengajian secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) akan memperolehi manfaat pengurangan yuran ini.

Namun demikian, pengecualian ini hanya terpakai bagi mereka yang mendaftar dengan Universiti Awam dan tidak terpakai bagi mereka yang mendaftar di Sayap Perniagaan atau *Private Wing* UA seperti UPM Education and Training Sdn Bhd (UPMET), Universiti Malaya Centre for Continuing Education (UMCCed) dan UTMSPACE dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.